

06/01/2001

Hamid Othman boleh bantu perkuat Umno Kedah

ALOR SETAR, Jumaat - Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain berkata Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman kini boleh menumpukan sepenuh perhatian terhadap Umno khususnya di Kedah kerana tidak lagi memegang jawatan Kabinet.

"Beliau hanya meletakkan jawatan dari Kabinet dan bukan parti (dan dengan itu) mulai sekarang beliau sudah tentu dapat memberi sepenuh tumpuan kepada Umno negeri," katanya semasa dihubungi di Kuala Lumpur bagi mengulas pengumuman Abdul Hamid hari ini untuk meletak jawatan sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Syed Razak adalah Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri dan Abdul Hamid, yang merupakan Ketua Bahagian Sik, adalah timbalannya.

Abdul Hamid mengumumkan di Kuala Lumpur bahawa beliau telah menyerahkan surat peletakan jawatan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Rabu lepas.

Syed Razak berkata sebagai orang yang arif dalam soal agama, kepakaran Abdul Hamid sangat diperlukan dalam usaha menangkis segala dakyah Pas.

Beliau juga menolak anggapan bahawa peletakan jawatan itu boleh membawa satu perkembangan negatif kepada Umno Kedah.

"Beliau tidak meletak jawatan dalam Umno," katanya sambil menegaskan Umno negeri berada dalam keadaan stabil dan kukuh.

Setiausaha Badan Perhubungan Umno Negeri Osman Md Aji yang dihubungi juga yakin Abdul Hamid kini dapat menumpukan perhatian terhadap badan perhubungan Umno negeri, terutama dalam isu-isu agama.

"Beliau kini boleh menumpukan tenaganya menangkis semua dakyah Pas dan seterusnya menghalang niat parti itu menawan Kedah, malahan merampas kembali kerusi yang dipegang oleh pembangkang," katanya.

Pas memegang 12 daripada 36 kerusi dewan undangan negeri pada pilihan raya umum lepas, sementara Parti Keadilan memperolehi satu kerusi menerusi pilihan raya kecil Lunas hujung tahun lepas.

Timbalan Ketua Umno Bahagian Sik, Mohamed Salleh Ismail berkata Umno bahagian itu tidak akan terjejas dengan perkembangan terbaru itu.

"Dia masih ketua bahagian Sik," katanya.

Beliau berkata bahawa pada pertemuan dengan ketua cawangan di Sik semalam, Abdul Hamid telah memberitahu bahawa beliau akan meletak jawatan dari Kabinet dan akan diberi tugas baru.

(END)